

# Kesan salah tafsir DEB

Oleh ROSLEE MARDAN

**TAHUN** 2007 nampaknya merupakan tahun yang banyak menyentuh mengenai persoalan Dasar Ekonomi Baru (DEB). Mungkinkah ini merupakan satu petanda bahawa usia kemerdekaan negara yang sudah dikecapi selama 50 tahun ini telah mencapai kemuncak kegemilangannya? Adakah selepas usia 50 tahun ini, pengurusan negara kita perlu melalui proses penstrukturan seperti di awal kelahiran DEB akibat daripada cubaan interpretasi atau penterjemahan semula dasar ini?

Semakin hari semakin ramai pihak berani mempersoalkan DEB sehinggakan pihak luar turut campur tangan dengan pelbagai tanggapan dan tohmahan.

Kita sebagai rakyat Malaysia, tidak dapat tidak, perlu menerima hakikat bahawa jasa yang ditinggalkan oleh DEB banyak membantu proses pembangunan negara. Pada hari ini, semua rakyat menikmati kemakmuran. Semua kaum mendapat bahagian masing-masing. Malah, kaum yang tidak diperuntukkan keistimewaan lebih unggul berbanding kaum yang dijamin dalam perundangan.

Mempersoalkan DEB bermakna kita seolah-olah ingin mengubah apa yang sudah termaktub dalam sejarah. Adakah serangan-serangan ke atas dasar pembangunan negara (DEB) yang juga merupakan sebahagian daripada sejarah seakan-akan menjadi petanda rakyat Malaysia hilang jati diri pada masa akan datang?

Usaha menginterpretasi semula DEB boleh meninggalkan kesan kepada pemahaman generasi masa hadapan. Kita bimbang pada masa akan datang, semua kaum di Malaysia akan bertelagah kerana mereka mentafsir sejarah yang telah diubah suai pada hari ini semata-mata memenuhi kepentingan masing-masing. Tidakkah ini akan mencestuskan konflik?

Oleh itu, walau apa pun proses transformasi ke atas DEB, walau apa jua rupa bentuk perubahan DEB, ia hendaklah dilihat dari sudut disiplin sejarah dan hendaklah dijadikan panduan tatacara

**DEB adalah strategi paling unik di dunia. Ia juga dijadikan model negara-negara Dunia Ketiga untuk membangunkan negara mereka. Jika ada negara-negara lain yang kagum dengan pembangunan negara kita, sudah tentu antara jawapan yang kita berikan ialah rahsia DEB**

pengurusan kaum di negara ini berlandaskan falsafah permuafakatan kaum.

Kepada orang bukan Melayu, tentunya motif mempersoalkan DEB adalah disebabkan isu keistimewaan yang diberikan kepada kaum Melayu selama ini. Mereka menganggap ia diskriminasi tanpa mengambil kira apa yang mereka capai selama ini terutama dalam bidang kekayaan ekonomi.

Bagi sesetengah orang Melayu pula, mereka ingin menanamkan kepercayaan kepada seluruh rakyat bahawa kononnya kerajaan yang dipimpin atas dasar permuafakatan kaum di Malaysia adalah silap dan tidak berjaya, tidak adil dan berat sebelah.

## Kegagalan

Campur tangan pihak asing juga bernada sama sungguhpun berbeza dari segi fakta. Pihak asing turut mengecam DEB dengan menyifatkannya sebagai gagal. Sebenarnya keberanian pihak asing menuduh kegagalan DEB mungkin berpunca daripada fakta media pihak-pihak yang antikerajaan. Oleh kerana mereka tidak memahami prinsip pemerintahan di Malaysia, dengan sikap tidak segan silu menggunakan fakta media antikerajaan di dalam Internet untuk mengeluarkan kenyataan berbau fitnah.

Kita perlu sedar, DEB merupakan satu-satunya dasar pengurusan kaum melalui penjana ekonomi yang berideologi kepada keupayaan sesuatu kaum. Ia bukan tafsiran keseimbangan seperti mana pemahaman oleh kebanyakan ideologi atau pemikiran politik kaum di negara-negara dunia yang lain.

DEB adalah strategi paling unik di dunia. Ia juga dijadikan model negara-negara Dunia Ketiga untuk membangunkan negara mereka. Jika ada negara-negara lain yang kagum dengan pembangunan negara kita, sudah tentu antara jawapan yang kita berikan ialah rahsia DEB. Cuma, ada sebilangan pihak dan kumpulan yang tidak mahu menerima kejayaan negara kerana kejayaan ini telah diperjuangkan oleh pihak yang memegang tampuk pemerintahan negara.

DEB adalah selaras dengan kandungan Perlembagaan negara. Maka, DEB sepatutnya tidak perlu dipersoalkan sama ada dalam bentuk kajian atau perdebatan semula. Usia negara mencapai 50 tahun ini, bukanlah sesuatu yang wajar dijadikan alasan untuk membincangkan DEB. Soalnya, apakah faedah yang kita peroleh hasil daripada membincangkan DEB secara terbuka?

Beberapa peristiwa dilihat sudah cukup menggugat kontrak sosial yang Malaysia amalkan selama ini. Tidak lama dahulu, bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew mengkritik negara kita kononnya kaum Cina di Malaysia dipinggir secara sistematik; penasihat ekonomi parti DAP pula menimbulkan isu orang Melayu dalam perkhidmatan awam.

Kita juga turut digemparkan dengan penerbitan sebuah buku kontroversi yang menyatakan bahawa rusuhan 1969 disebabkan oleh konflik kelas menengah yang ingin merampas tampuk pemerintahan pada masa itu. Mereka cuba mengubah fakta sejarah yang sudah ditanam dalam minda rakyat Malaysia dengan cara berselindung di belakang imej akademik.

Ancaman terhadap negara kita juga tidak hanya berlaku dalam negara tetapi turut menerima kritikan daripada pihak luar khususnya orang Barat. Amerika Syarikat dalam laporannya menuduh Malaysia sebagai antara negara penyeludupan manusia paling tinggi.

Dan yang terbaru, Pesuruhjaya Perwakilan Eropah ke Malaysia menyatakan DEB tidak banyak membantu kaum-kaum lain dan hanya memfokuskan kepada bumiputera (Melayu) sahaja. DEB yang sudah diamal selama 37 tahun didakwa telah gagal menarik pelabur asing ke Malaysia dan ia tidak lagi relevan pada masa sekarang.

Semua ini memberi petunjuk bahawa negara sedang menerima ancaman berbahaya dalam isu perkauman. Apatah lagi, orang Malaysia sendiri sedang beria-ia untuk meretakkan keadaan sambil orang asing pula cuba menghulurkan pahat.

Oleh sebab itu, menyedari ancaman terhadap isu perkauman di Malaysia yang semakin hari semakin liar, kerajaan digesa bertegas dalam hal ini. Dalam banyak perkara mungkin kita boleh bersifat terbuka. Namun, dalam isu perkauman, ingat-mengingati serta hormat-menghormati antara kaum amatlah penting.

Jika yang mempersoalkan DEB adalah daripada pemimpin, maka perlulah ditanyakan bahawa negara perlu dipimpin ke arah keamanan dan kemakmuran.

Jika ia (DEB) ditimbulkan oleh rakyat, mereka perlu diingatkan atau diajar tentang sejarah sebenar mengenai DEB. Sebab itulah sebarang usaha menterjemah dan mengkaji sejarah termasuk peristiwa Mei 1969 perlu diambil serius.

Usaha-usaha bijak perlu diwujudkan. Antara langkah yang mungkin boleh diambil ialah kerajaan perlu memperkasa pengajaran mata pelajaran Sejarah negara dengan matlamat menanam semangat cintakan negara dan bukan untuk syarat dalam bidang akademik semata-mata.

ROSLEE MARDAN ialah Pegawai Eksekutif, Unit Kedah Maju UUM, Sintok, Kedah.